



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH

جَبَاتُ خَالِ الْهَوَالِ اِكَامَةِ اِسْلَامِ نِجَرِي سَابَا

KHUTBAH JUMAAT PERTAMA DAN KEDUA

27 RAMADAN 1446H / 28 MAC 2025M

“TUNAIKAN ZAKAT: JIWA TENANG SAMBUT HARI KEMENANGAN”

Disediakan oleh:

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)

Dengan Kerjasama:

Bahagian Zakat dan Fitrah, Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS)

Arahan kepada PTA/ PPMD/ AJK MASJID/ SURAU:

- Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi khatib yang membaca khutbah Jumaat yang bukan disediakan, disemak atau diluluskan oleh Majlis dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.
- Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya sempurna rukun dan baris agar dapat disampaikan dengan fasih dan lancar.
- Khutbah ini hendaklah dibaca oleh Imam Qariah atau Imam Rawatib yang bertugas di masjid atau surau yang berkenaan kecuali ada kebenaran khas dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS).
- Khutbah hendaklah disampaikan pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh JHEAINS.
- Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun khutbah, kesilapan ejaan dan baris pada ayat-ayat al-Quran & Hadis yang terkandung di dalamnya.
- Khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh 10 - 15 minit sahaja.



Mohon semak QR code ini jika ada sebarang cadangan penambahbaikan. Sekian, terima kasih

KHUTBAH JUMAAT

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

إِنَّ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ وَأَقَامُوا الصَّلَاةَ وَءَاتَوْا الزَّكَاةَ لَهُمْ أَجْرُهُمْ
عِنْدَ رَبِّهِمْ وَلَا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ ﴿٢٧٧﴾ (البقرة: 277)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى حَبِيبِنَا وَشَفِيعِنَا مُحَمَّدٍ، أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ، وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
أَمَّا بَعْدُ، أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ
قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ
مُسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾ (آل عمران: 102)

SIDANG JEMAAH YANG DIREDAI ALLAH,

Marilah kita bersama-sama berusaha meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan bersungguh-sungguh melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Semoga kita diberikan kejayaan di dunia dan di akhirat. Bersempena hari Jumaat terakhir bagi Ramadan pada tahun ini, saya ingin mengajak jemaah sekalian untuk bersama-sama menghayati khutbah yang bertajuk: ***“Tunaikan Zakat: Jiwa Tenang Sambut Hari Kemenangan”***.

SIDANG JEMAAH YANG BERBAHAGIA,

Bulan Ramadan pada tahun ini bakal melabuhkan tirainya tidak lama lagi. Bagi umat Islam yang tinggi pengharapan dan mendambakan keampunan daripada Allah, pasti akan menggunakan sebaiknya waktu

yang berbaki ini dengan memperbanyakkan bacaan al-Quran, Qiamullail, zikir dan munajat kepada Allah SWT. Disamping kita menumpukan kepada ibadah yang disebutkan tadi, terdapat satu lagi ibadah khusus dalam bulan Ramadan yang wajib ditunaikan iaitu zakat fitrah. Hal ini seperti mana yang disebutkan dalam sebuah hadis daripada Ibnu Umar Radhiallahu ‘Anhuma, beliau berkata yang **bermaksud**: *“Sesungguhnya Rasulullah SAW telah memfardukan zakat fitrah pada bulan Ramadan dengan kadar satu gantang daripada tamar atau satu gantang daripada gandum ke atas setiap yang merdeka dan hamba, lelaki dan perempuan di kalangan orang-orang Islam.”* (Hadis Riwayat Muslim)

SIDANG JEMAAH YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Mungkin ada yang menganggap Zakat Fitrah hanya sekadar ibadah ringan yang tidak begitu penting. Seinggakan terdapat sebahagian daripada kita yang melengah-lengahkan pembayarannya sehingga ke saat akhir, dan tidak kurang juga yang terlupa menunaikannya kerana terlalu menumpukan kepada amalan yang lain. Sebenarnya Zakat Fitrah merupakan ibadah yang sangat besar nilainya di sisi Islam dan merupakan salah satu daripada rukun Islam yang lima. Antara nilai terbesar ibadah Zakat Fitrah ialah nilai penyucian jiwa dan persaudaraan. Sebagaimana yang disebutkan dalam sebuah Hadis daripada Ibn Abbas yang **bermaksud**: *“Rasulullah SAW mewajibkan zakat fitrah untuk menyucikan orang yang berpuasa daripada perkara lalai dan perkataan keji, dan juga untuk memberi makan orang miskin.”* (Hadis Ibnu Majah)

Pengajaran daripada hadis yang dibacakan tadi, dengan menunaikan Zakat Fitrah kita sebenarnya telah menyempurnakan pakej ibadah puasa dengan menyucikan jiwa kita daripada akhlak yang buruk. Ia adalah satu latihan rohani yang mempersiapkan diri kita untuk menyambut Hari Raya

dengan penuh ketenangan dan kegembiraan. Tidak ada yang lebih menenangkan jiwa bagi seseorang muslim dan mukmin selain daripada berjaya menyempurnakan ibadah dalam bulan Ramadan yang mulia ini.

SIDANG JEMAAH YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Ketahuilah, ketika seseorang itu menunaikan Zakat Fitrah, mereka akan merasai kelegaan dan kepuasan dalam jiwa kerana telah memenuhi kewajipan agama dan membantu golongan asnaf. Hati yang terbuka untuk memberi pastinya akan dilimpahi dengan rasa syukur dan kebahagiaan yang mendalam. Mereka yang menunaikan ibadah zakat akan dijanjikan pahala dan dihindari diri mereka daripada perasaan bimbang dan berdukacita. Firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 277:

إِنَّ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ وَأَقَامُوا الصَّلَاةَ وَءَاتَوْا الزَّكَاةَ لَهُمْ أَجْرُهُمْ
عِنْدَ رَبِّهِمْ وَلَا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ ﴿٢٧٧﴾

Maksudnya: “*Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan beramal soleh, dan mengerjakan sembahyang serta memberikan zakat, mereka beroleh pahala di sisi Tuhan mereka, dan tidak ada kebimbangan (dari berlakunya sesuatu yang tidak baik) terhadap mereka, dan mereka pula tidak akan berdukacita.*”

SIDANG JEMAAH YANG DIREDAI ALLAH SEKALIAN,

Zakat Fitrah adalah sebuah jaminan sosial daripada umat Islam untuk membantu asnaf yang memerlukan, agar kemeriahan sambutan bulan Ramadan dan Hari Raya Aidilfitri dapat dirasakan bersama dengan seluruh umat Islam yang lain. Teramat malang sekiranya masih terdapat saudara Islam kita yang berlapar dan bersedih di pagi Aidilfitri dek kemiskinan yang mencengkam akibat kelalaian saudara Islam yang lainnya untuk

mengeluarkan Zakat Fitrah. Dalam konteks Negeri Sabah, sehingga Disember 2024 telah direkodkan seramai 47,726 orang asnaf daripada kalangan fakir, miskin dan mualaf yang berdaftar secara rasmi di Bahagian Zakat dan Fitrah MUIS. Jumlah itu bukanlah sedikit dan dijangka akan bertambah saban tahun.

Justeru, Bahagian Zakat dan Fitrah MUIS sentiasa berusaha memastikan pengurusan zakat di Negeri Sabah diuruskan dengan bersih, berintegriti, cekap dan amanah demi memastikan hak-hak golongan asnaf ini terus terbela. Pada Ramadan tahun ini, pihak Bahagian Zakat dan Fitrah MUIS telah memperuntukkan sebanyak RM 14,317,800.00 agihan zakat untuk diberikan kepada 47,726 asnaf buat persediaan mereka menyambut Hari Raya Aidilfitri. Atas dasar itu, maka pihak Bahagian Zakat dan Fitrah MUIS terus menyeru tanpa jemu agar semua umat Islam di Negeri Sabah ini dapat menunaikan ibadah zakat khususnya Zakat Fitrah sebelum berakhirnya Ramadan pada tahun ini. Jadikanlah ibadah zakat sebagai lubuk pahala yang memberatkan timbangan amal soleh kita di akhirat kelak. InsyaAllah.

SIDANG JEMAAH YANG BERBAHAGIA,

Khatib ingin mengingatkan juga berkenaan kemalangan jalan raya sebagai suatu musibah yang tidak dijangka terutamanya pada musim perayaan. Disamping berbahagia menyambut Syawal bersama keluarga tercinta untuk pulang ke kampung halaman mahupun berziarah ke rumah sanak saudara, berhati-hatilah ketika memandu. Rancanglah perjalanan dengan baik agar selamat tiba ke destinasi yang dituju. Marilah kita patuhi peraturan dan garis panduan yang telah ditetapkan oleh pihak Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).

Menyimpul khutbah pada hari ini, khatib titipkan beberapa pesan buat renungan bersama:

Pertama: Ibadah zakat merupakan ibadah yang cukup besar nilainya dalam kehidupan kita. Umat Islam wajib meyakini bahawa sesiapa yang melaksanakan tuntutan berzakat maka dia akan diberikan ganjaran pahala dan ketenangan jiwa oleh Allah SWT.

Kedua: Marilah kita bersegera menunaikan ibadah Zakat Fitrah. Ambillah peluang pada hari Jumaat, penghulu segala hari ini untuk pergi ke kaunter-kaunter Zakat Fitrah yang disediakan. Pastikan pembayaran dilakukan kepada para Amil dan Wakil Amil Zakat Fitrah bertauliah yang dilantik oleh Bahagian Zakat dan Fitrah MUIS. Semoga dengan ibadah zakat ini, kita beroleh pahala dan ketenangan jiwa menyambut hari kemenangan yang bakal tiba tidak lama lagi.

Ketiga: Bagi muslimin muslimat pembayar zakat yang balik ke kampung halaman untuk berhari raya, mohon dipastikan keselamatan diri, keluarga, kenderaan serta pengguna jalanraya menjadi keutamaan. Rancang perjalanan anda dengan bijak, semoga sampai destinasi tujuan dengan selamat.

Firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 110:

وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ وَمَا تُقَدِّمُوا لِأَنفُسِكُمْ مِنْ خَيْرٍ تَجِدُوهُ عِنْدَ اللَّهِ ^{قَلِيلًا}
إِنَّ اللَّهَ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ ﴿١١٠﴾

Maksudnya: *“Dan dirikanlah oleh kamu akan sembahyang dan tunaikanlah zakat dan apa jua yang kamu dahulukan dari kebaikan untuk diri kamu, tentulah kamu akan mendapat balasan pahalanya di sisi Allah. Sesungguhnya Allah sentiasa melihat segala yang kamu kerjakan.”*

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي
هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

تيكس خطبة كدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمَرَكُمْ بِأَمْرِ عَظِيمٍ، أَمَرَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتُهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

آمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالْبَرَكَاتِ وَالْهُدَايَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالصِّحَّةَ الدَّائِمَةَ عَلَى مَلِكِنَا كَبَاوَه دُولِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سَرِي قَادُوكْ بَكِينِدَا يَغْ دَفَرْتَوَانْ أَكُوغْ وَكَذَلِكَ عَلَى فَخَامَةِ الرَّئِيسِ الْأَعْلَى تَوَانْ يَغْ تَرَاوْتَامْ يَغْ دَفَرْتَوَانْ نَكْرِي سَابَه. وَاجْعَلِ اللَّهُمَّ هَذِهِ الْبَلَدَةَ وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ آمِنَةً مُطْمَئِنَّةً، إِنَّكَ رَءُوفٌ رَحِيمٌ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَّنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.

Ya Allah, selamatkanlah saudara kami yang dizalimi di bumi barakah Palestin, kasihani dan limpahkanlah Rahmat-Mu ke atas mereka.

Ya Allah! Naungilah kehidupan, negeri dan juga negara kami. Hiasilah diri kami dengan sifat terpuji dan jauhi kami dari sifat yang keji. Jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah, menunaikan zakat, berpuasa dalam bulan Ramadan, mengerjakan ibadah haji, mewakafkan harta dan berinfaq pada jalan yang

Engkau redai. Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua Ya Allah tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ
وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَا تَكْفُرُوا بِاللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

Disediakan dan diedar oleh:

Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

NOTA:

Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadis Rasulullah SAW. Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.

Sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi

Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

Hubungi [088-522127](tel:088-522127) / jheains.penerbitan@gmail.com untuk sebarang pertanyaan / maklumat lanjut.